

19/03/2001

Pertemuan Umno-Pas: Nasi belum menjadi bubur

Dr Mohd Azam Rauzan

MEMANG tidak dapat dinafikan pengumuman penangguhan perbincangan perpaduan Melayu di antara Umno dan Pas oleh Datuk Fadzil Noor, mengecewakan bangsa Melayu di seluruh tanah air.

Mengapa ini harus terjadi menjadi tanda tanya kepada semua. Selaku rakyat Malaysia berketurunan Melayu, saya mula rasa gusar serta bingung melihat gelagat pemimpin-pemimpin Melayu yang terbabit dalam memastikan pertemuan ini berjaya.

Banyak soalan daripada jawapan yang timbul daripada penangguhan berkenaan.

Sama ada kita sedar atau tidak, sama ada kita mahu atau tidak, kita mesti menerima hakikat bahawa rakyat sedang memerhatikan kita.

Orang Melayu sedang mengikuti perkembangan kita serta anak-anak muda Melayu juga sedang khusyuk memerhatikan pemimpin mereka bertelagah antara satu sama lain dengan kemelut yang melanda bangsa Melayu di tanah air kita ini. Di mana silapnya?

Di dalam satu kursus pemantapan pidato mengenai dasar-dasar kerajaan yang diadakan baru-baru ini, saya bertanya kepada salah seorang ahli panel mengenai pertemuan pemimpin Umno-Pas yang rata-rata adalah sesama Melayu.

Kalau pertemuan dan perbincangan di antara pemimpin Palestin dan rejim Yahudi selama ini tidak berjaya bolehlah diterima kerana satu Islam dan yang satu lagi Yahudi.

Tetapi mengapa ini sesama Melayu pun agak susah untuk bertemu muka? Kalau diberi peluang, saya ingin mencadangkan kepada pemimpin yang terbabit supaya memastikan pertemuan itu dilakukan secara sulit empat mata.

Bagaimana dan bila serta di mana tempat pertemuan hanya terletak kepada keikhlasan kedua-dua pemimpin berkenaan untuk menentukannya. Selepas itu, barulah didedahkan kepada umum hasil pertemuan berkenaan.

Yang penting, pertemuan ini tidak boleh diretorikkan serta digembar-gemburkan oleh pihak media, mahupun pendokong kedua-dua pihak yang terbabit. Pihak media pula harus memainkan peranan tersendiri dengan tidak mengeruhkan lagi ketegangan perhubungan di antara kedua-dua pihak.

Saya kurang faham apa fungsi sebenar jawatankuasa teknikal yang dibentuk untuk menjayakan pertemuan kedua-dua pemimpin yang mewakili dua parti politik orang Melayu di Malaysia ini?

Bagi saya, ia membawa lebih banyak keburukan dan mengeruhkan lagi suasana muhibah yang sepatutnya dibina oleh mereka. Masing-masing harus meletak kepentingan bangsa lebih tinggi daripada kepentingan politik serta parti masing-masing.

Rakyat telah pun dapat menilai dan siapa yang sebenarnya menjadi dalang punca perpecahan serta siapa yang menjadi duri dalam daging untuk menggagalkan pertemuan perpaduan ini.

Nasi belum menjadi bubur. Masih ada ruang di hati rakyat untuk menjadikan pertemuan perpaduan ini satu realiti.

Saya selaku orang Melayu daripada generasi muda pasca merdeka merayu agar pemimpin-pemimpin yang diamanahkan untuk menerajui perbincangan perpaduan Melayu ini agar mengetepikan segala keegoan serta birokrasi yang sengaja diwujudkan untuk menjayakan pertemuan ini.

Sayangilah anak bangsaku. Sayangilah negaraku. Sayangilah generasiku yang ketika ini masih lagi mempunyai kuasa memerintah sebuah negara yang merdeka.

Sikap toleransi serta rendah diri yang ditunjukkan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, selaku Perdana Menteri serta Presiden Umno amat saya sanjungi dan hormati.

Secara moral serta keikhlasan yang terserlah sememangnya telah memberi satu kemenangan psikologi yang menambat seluruh hati dan sanubari rakyat Malaysia yang terdiri daripada berbilang kaum.

Yang penting ialah keikhlasan dan kejujuran yang ditunjukkan oleh pemimpin yang mahu melihat perpaduan bangsa Melayu menjadi agenda utama perjuangan parti.

Perkembangan mutakhir senario politik negara jiran kita harus menjadi iktibar kepada pemimpin dan bangsa Melayu untuk bersatu dan membentuk kekuatan jati bangsa dalam menangani isu-isu yang mendatang.

Sedarlah bahawa banyak musuh kita yang mentertawakan kita apabila pertemuan itu mula menunjukkan kegagalan.

Ayuh kita buktikan bahawa bangsa Melayu tetap utuh dan bersatu di bawah panji-panji Islam yang menjadi nadi perjuangan orang Melayu.